

03/09/1997

Isu Myanmar: Asean, Eropah berunding

KUALA LUMPUR, Selasa - Pertelingkahan di antara Asean dan Eropah mengenai isu penyertaan Myanmar dalam Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) boleh diselesaikan menerusi perundingan secara jujur, terbuka dengan semangat setikawan.

Setiausaha Parlimen Kabinet Britain, Peter Kilfoyle, berkata perbezaan pendapat yang wujud di antara kedua-dua rantau adalah kerana masing-masing mempunyai pandangan dan kepentingan berbeza.

"Saya berpendapat jawapannya mudah sahaja. Perkara seperti itu biasanya diselesaikan melalui rundingan secara jujur dan terbuka," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Asean mungkin memutuskan untuk tidak menghadiri Asem jika Kesatuan Eropah (EU) melarang Myanmar menghadirinya.

"Jika berlaku diskriminasi terhadap Myanmar, ia juga diskriminasi terhadap Asean. Anda mungkin mendapati negara lain dalam Asean juga memutuskan untuk memulaukannya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri mengulas kenyataan Setiausaha Luar Britain, Robin Cook, di Singapura semalam bahawa keputusan Eropah baru-baru ini untuk tidak memberi visa kepada pegawai kanan Myanmar menyebabkan kehadiran mereka pada Asem sebagai `mustahil`.

Bercakap pada sidang akhbar di Suruhanjaya Tinggi Britain di sini hari ini, Kilfoyle berkata perkara itu bagaimanapun pasti dapat diatasi melalui perundingan, tanpa menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara.

"Kami bimbang mengenai isu berkenaan dan mengambil berat dengan apa yang berlaku di negara itu dan kami mempunyai cara berbeza untuk melahirkan kebimbangan itu dan dalam tindakan yang dibuat," katanya.

Malaysia dan Britain yang mengaku berbeza pendapat terutama membabitkan isu hak asasi manusia dan Myanmar, yakin ia tidak akan menjejaskan hubungan dua hala yang wujud selama ini.

Menjelaskan perkara itu, Kilfoyle berkata, Cook membuat kenyataan demikian berdasarkan beberapa masalah di Myanmar dan mencerminkan pendapat masyarakat Britain mengenai negara berkenaan.

"Bagaimanapun, saya berharap isu itu akan dapat diatasi kerana berdasarkan pengalaman lalu, kita mempunyai banyak perbezaan dan pertikaian yang akhirnya dapat diatasi dengan baik," katanya.

Kilfoyle berada di sini untuk mempelajari mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Beliau berharap bahawa seperti percanggahan pendapat yang lain, hubungan baik dan mesra akan berterusan, terutama antara Britain dan Malaysia.

Kilfoyle berkata beliau tidak tahu berhubung dengan kenyataan Cook mengenai Myanmar semalam sambil berkata kenyataan Cook mencerminkan pendapat umum sekarang.

(END)